

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	51	RUANGAN	Niaga

## Pendapatan Tabung Haji naik kepada RM2.8 bilion

KUALA LUMPUR – Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) berjaya melonjakkan prestasi kewangannya yang berakhir 31 Disember 2012 dengan mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 28 peratus kepada RM2.8 bilion berbanding RM2.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, prestasi memberangsangkan itu turut memperlihatkan keuntungan selepas cukai dan zakat yang



dicapai buat julung-julung kalinya melepasi RM2 bilion, mengatasi RM1.7 bilion pada tahun 2011.

"Tabung Haji telah mencatatkan pendapatan melebihi RM2 bilion selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2010, namun ini merupakan kali pertama keuntungan bersih melepasi RM2 bilion, iaitu RM2.1 bilion.

"Kejayaan ini mengatasi paras RM1 bilion yang dicapai Tabung Haji selama lima tahun berturut-turut semenjak tahun 2007," katanya pada sidang

akhbar sempena pengumuman Bonus Jubli Emas 2012 di sini semalam.

Selain itu, Jamil Khir menerangkan, pertumbuhan saiz dan dana deposit terus menunjukkan perkembangan yang baik dengan mempunyai 8.2 juta pendeposit serta dana terkumpul mencecah RM35.8 bilion.

"Ini menunjukkan peningkatan berbanding tujuh juta pendeposit dengan dana terkumpul RM31.7 bilion pada tahun 2011," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji,

Datuk Paduka Ismee Ismail menerangkan, pihaknya akan memfokuskan dalam sektor hartanah, pelaburan dalam saham tersenarai dan mematuhi syariah sebagai usaha untuk memantapkan pendapatan dan memberi peningkatan pulangan kepada pendeposit.

Menurutnya, sehingga kini, 13 peratus daripada peruntukan yang ditetapkan telah digunakan bagi tujuan melabur dalam bidang hartanah.

Tabung Haji memperuntukkan 20 peratus daripada saiz dananya yang bernilai RM36 bilion untuk pelaburan dalam segmen berkenaan.